



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.(S).600-1/3/31 (2)

21 Disember 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/Dato'/ Tuan/ Puan,

PEKELILING PERKHIDMATAN DASAR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM (DPSM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM), yang merupakan dasar baharu pembangunan sumber manusia bagi menggantikan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSA) yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan
Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIKIRAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894

3. DPSM dibangunkan untuk membentuk pegawai perkhidmatan awam yang kompeten selaras dengan keperluan di masa kini, serta bersedia bagi menghadapi cabaran di masa akan datang. Ia menggunakan konsep pembangunan yang lebih holistik, dan dilaksanakan melalui tiga aktiviti utama iaitu Pembangunan Kompetensi, Penilaian Prestasi dan Penilaian Potensi Kemajuan Kerjaya.

4. Pekeliling Perkhidmatan DPSM akan berkuat kuasa mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2022 sebagai tempoh persediaan, dan akan berkuat kuasa sepenuhnya mulai 1 April 2022. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

s.k. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara